DATE: **28 JANUARY 2014 (WEDNESDAY)**

MEDIA: **UTUSAN MALAYSIA – TANGKAPAN PATI MENYELURUH-PG. 4**

Utusan Malaysia, 28 Jan 2014 - Pg. 4

### Turut melibatkan pekerja spa dan gadis pelayan pelanggan - Zahid Hamidi

# Tangkapan PATI menyeluruh

**Oleh THOMAS CHONG**
pengarang@utusan.com.my

**PUTRAJAYA** 27 Jan. - Penguatkuasaan ke atas pendatang asing tanpa izin (PATI) tidak terhad kepada pekerja pembinaan dan perkhidmatan tetapi merangkumi semua sektor termasuk pembanterasan terhadap pekerja spa dan gadis pelayan pelanggan (GRO).

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, operasi penangkapan PATI secara bersepadu tersebut juga akan dijalankan setiap hari tanpa mengira faktor musim, cuti, siang atau malam.

"Kita akan melakukan tanggungjawab penguatkuasaan. Kita tidak mahu timbul persepsi bahawa Kementerian Dalam Negeri hanya merupakan 'tin kosong'," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan amanat Tahun Baharu 2014 kepada warga Kementerian Dalam Negeri di sini hari ini.

Operasi penangkapan PATI secara besar-besaran dilancarkan di seluruh negara pada 21 Januari lalu sebaik sahaja berakhirnya Program Khas Pengurusan PATI yang diadakan untuk pekerja asing atau majikan yang tertipu ketika menyertai program pemutihan sebelum ini.

Operasi tersebut disertai oleh pelbagai agensi termasuk Jabatan Imigresen, Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela)

Terdahulu dalam ucapannya, Ahmad Zahid berkata, kementeriannya tidak akan menangguhkan penguatkuasaan terhadap PATI seperti mana yang dicadangkan oleh sebuah parti politik.

"Kita menghormati rakan kita tidak kira pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau parti politik, tetapi jangan campur tangan dalam urusan Kementerian Dalam Negeri yang mahu menjaga kesejahteraan negara," katanya.



**AHMAD Zahid Hamidi bersama para artis dari kiri Rohana Jalil, Nassier Wahab, Nash, Hattan, Abon dan Salwa Abdul Rahman selepas pemakaian pangkat Jabatan Pertahanan Awam kepada artis tersebut dalam majlis perhimpunan bulanan Kementerian Dalam Negeri di Putrajaya, semalam.**

